

Pemaju akui ambil masa selesai projek terbengkalai

KUALA LANGAT - Kebanyakan pemaju mengakui untuk menyelesaikan sesuatu projek terbengkalai sebenarnya sukar dan mengambil masa.

Pemaju, Abdul Talib Jali berkata, keadaan itu berlaku kerana projek terbengkalai ada kalanya telah habis dijual dan dibina oleh pemaju asal tetapi telah terhenti begitu lama.

Menurutnya, faktor utama mengapa sesuatu projek itu terbengkalai termasuklah tersalah membuat unjuran di mana unjuran tersebut tidak mengambil kira keadaan perkembangan semasa ekonomi dunia dan domestik.

"Menyelesaikan projek terbengkalai menjadi rumit dan susah apabila sesuatu projek tersebut yang melibatkan empat pihak utama, iaitu pemilik tanah, pembeli projek, pihak pemaju dan pihak pembiaya pinjaman kewangan.

"Bagi saya apabila semua pihak yang terlibat berlapang dada mahu menyelesaikan masalah terpaksa memanggil pihak penyelamat terdiri dari pemaju penyelamat atau pihak kerajaan, masalah kerumitan pengambilalihan agak mudah dilaksanakan terutama melibatkan dokumentasi," katanya mengulas mengenai projek terbengkalai yang perlu diberi perhatian.

Abd Talib berkata, namun seki-



Antara reka bentuk rumah baharu selepas projek terbengkalai.

ranya ada di antara pihak-pihak tersebut tidak memberikan kerjasama atau sengaja menyusahkan proses pengambilalihan seperti menghilangkan sebarang dokumentasi projek, pembeli, usaha sama projek dan perjanjian jual beli, perkara tersebut sukar untuk diselesaikan.

Katanya, ada juga projek terbengkalai membabitkan pembeli yang kecil dibandingkan keseluruhan unit projek tersebut.

Katanya, pemaju penyelamat mengambil inisiatif menukar unit-unit yang belum terjual dengan reka bentuk baru dan terkini serta me-

reka bentuk rumah yang memiliki 'wow factor' bagi menampung kos pembinaan unit-unit terbengkalai.

Bagaimanapun, kerajaan kini telah mengetatkan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan pemaju-pemaju yang tidak bertanggung jawab melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bagi memantau kemajuan sesuatu projek.

Katanya, walaupun projek tersebut bukan dimiliki oleh pihak swasta, langkah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi membantu rakyat tidak teraniaya pada masa akan datang.